



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 68  
No. 8

**20hb Februari 2025**

*TAMBAHAN No. 3  
PERUNDANGAN*

---

---

## **K. P.U. 3.**

ENAKMEN SUMBER AIR KEDAH 2008

PERATURAN-PERATURAN SUMBER AIR KEDAH  
(AKTIVITI BADAN PERAIRAN) (PINDAAN) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 93(a), (i) dan (j) Enakmen Sumber Air Kedah 2008 [*Enakmen 7*], Lembaga, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

### **Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Sumber Air Kedah (Aktiviti Badan Perairan) (Pindaan) 2025**.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh disiarkan dalam *Warta*.

### **Penggantian tajuk**

2. Peraturan-Peraturan Sumber Air Kedah (Aktiviti Badan Perairan) 2015 [*K.P.U 29/2025*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam tajuk dalam teks Bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “KEDAH WATER RESOURCES (WATER BODY ACTIVITIES) 2015, dengan perkataan “KEDAH WATER RESOURCES (WATER BODY ACTIVITIES) REGULATIONS 2015”.

**Penggantian peraturan 1**

3. Peraturan-Peraturan ibu, dipinda dengan menggantikan peraturan 1 dengan peraturan yang berikut:

“1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Sumber Air Kedah (Aktiviti Badan Perairan) 2015**.

(2) Peraturan-Peraturan ini bagi Bab 4 dan 5 Bahagian IV Peraturan-Peraturan Sumber Air Kedah (Aktiviti Badan Perairan) 2015 mula berkuat kuasa pada 15 November 2015 kecuali bagi Bab 1 dan 2 Bahagian IV Peraturan-Peraturan Sumber Air Kedah (Aktiviti Badan Perairan) 2015 berkuat kuasa pada 1 Jun 2016.”.

**Pindaan peraturan 2**

4. Peraturan 2 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam takrif “aktiviti badan perairan” dengan memotong perkataan “aktiviti vesel pembinaan”;

(b) dalam takrif “aktiviti rekreasi sukan air” dengan memotong perkataan “, *snorkeling*, selam skuba”;

(c) dengan menggantikan takrif “aktiviti sangkar” dengan takrif yang berikut:

‘ “ aktiviti sangkar” ertinya apa-apa binaan bagi apa-apa aktiviti penternakan dalam sangkar termasuklah tetapi tidak terhad kepada akuakultur dan penternakan sangkar yang lain;’;

(d) dengan memasukkan selepas takrif “kelengkapan” takrif yang berikut:

‘ “kontraktor projek berkepentingan awam” ertinya mana-mana orang yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri untuk menjalankan projek berkepentingan awam;’;

(e) dengan memasukkan selepas takrif “penumpang” takrif yang berikut:

‘ “projek berkepentingan awam” ertinya apa-apa projek dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri yang disahkan oleh Lembaga untuk tujuan kepentingan awam dan tidak mempunyai nilai komersial termasuklah tetapi tidak terhad kepada pembinaan jambatan, pemulihan pantai, tebatan banjir dan apa-apa projek berkepentingan awam yang lain’; dan

(f) dengan memotong takrif “peralatan”.

---

**Pindaan peraturan 11**

5. Peraturan 11 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong subperaturan (3).

**Penggantian peraturan 19**

6. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 19 dengan peraturan yang berikut:

**“Keselamatan aktiviti vesel rekreasi**

19. (1) Pemegang lesen hendaklah memastikan aktiviti vesel rekreasi sentiasa berada dalam keadaan selamat dan praktikal bagi membolehkan aktiviti dijalankan tanpa gangguan.

(2) Pemegang lesen hendaklah memastikan aktiviti vesel rekreasi dilarang berada di dalam kawasan laluan trafik vesel dari mana-mana anak sungai atau alur sungai pada bila-bila masa dalam mana-mana keadaan yang boleh menghalang trafik ke hulu dan hilir laluan layar.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan.”.

**Penggantian peraturan 25**

7. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 25 dengan peraturan berikut:

**“Keselamatan aktiviti sangkar**

25. (1) Pemegang lesen hendaklah memastikan aktiviti sangkar sentiasa berada dalam keadaan selamat dan praktikal bagi membolehkan aktiviti dijalankan tanpa gangguan.

(2) Pemegang lesen hendaklah memastikan aktiviti sangkar dilarang berada di dalam kawasan laluan trafik vesel dari mana-mana anak sungai atau alur sungai pada bila-bila masa dalam mana-mana keadaan yang boleh menghalang trafik ke hulu dan hilir laluan layar.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan.”.

**Pindaan peraturan 41**

8. Peraturan 41 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “itu” dengan perkataan “ini”;

(b) dengan menggantikan subperaturan (2) dan (3) dengan subperaturan berikut:

“(2) Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, mana-mana pihak berkuasa tempatan, mana-mana badan berkanun persekutuan atau negeri adalah dikecualikan daripada kehendak memegang lesen di bawah Enakmen.

(3) Walau apa pun pengecualian yang diberikan di bawah subperaturan (2), Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, mana-mana pihak berkuasa tempatan, mana-mana badan berkanun persekutuan atau negeri adalah dikehendaki untuk mematuhi kewajipan dan obligasi di bawah Enakmen seolah-olah ia merupakan pemegang lesen.”.

### Penggantian Jadual Pertama

9. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Pertama dengan jadual yang berikut:

“JADUAL PERTAMA

[Subperaturan 3(1)]

BORANG A

ENAKMEN SUMBER AIR KEDAH 2008

PERATURAN-PERATURAN SUMBER AIR KEDAH  
(AKTIVITI BADAN PERAIRAN) 2015

PERMOHONAN/PEMBAHARUAN LESEN  
AKTIVITI BADAN PERAIRAN

1. Jenis permohonan

(a) Permohonan baharu\*

(b) Pembaharuan\*

(c) Aktiviti sekali beri\*

*\*Nota: Sesuatu permohonan bagi dua lesen atau lebih hendaklah dibuat dalam borang permohonan yang berasingan, setiap satu disokong dengan maklumat yang berkaitan.*

---

**A. BUTIRAN PEMOHON**


---

1. Nama pemohon dan No. Syarikat: .....
2. Alamat berdaftar: .....  
 No. telefon: .....  
 No. faks: .....  
 Alamat e-mel: .....
3. Tempat perniagaan utama: .....  
 No. telefon: .....  
 No. faks: .....  
 Alamat e-mel: .....
4. Perihal kemudahan atau perkhidmatan yang dikendalikan atau disediakan dan lokasi kemudahan .....
5. Kawasan yang dicadangkan untuk aktiviti dijalankan: .....

---

**B. MAKLUMAT**


---

1. Butiran dua pengurus atau seorang pengurus dan setiausaha syarikat pemohon yang boleh dihubungi untuk maklumat lanjut

Nama	Jawatan	No. telefon	Alamat

2. Kesemua maklumat lain yang dikehendaki di bawah seksyen 44 Enakmen Sumber Air Kedah 2008 dan peraturan 8 Peraturan-Peraturan Sumber Air Kedah (Aktiviti Badan Perairan) 2015 adalah dikepilkan sebagai lampiran kepada permohonan ini.
3. Apa-apa maklumat tambahan yang didapati relevan bagi permohonan ini.

Kami, ....., (pemohon) mengaku dan mengesahkan mengikut peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960 [Akta 60] yang berikut:

- (a) kami telah mematuhi seksyen 44 Enakmen Sumber Air Kedah 2008;
- (b) sepanjang pengetahuan kami, tiada pegawai penerima atau pengurus telah dilantik berkenaan dengan perniagaan, aset atau perusahaan kami;
- (c) kami tidak membuat apa-apa kompromi atau perkiraan dengan pemiutang-pemiutang dan tidak bercadang, pada masa permohonan ini dibuat, untuk membuat kompromi atau perkiraan dengan pemiutang;
- (d) sepanjang pengetahuan kami, tiada petisyen untuk menggulung telah dikemukakan dalam mahkamah dan tiada petisyen untuk menggulung dan dikemukakan dalam mahkamah; dan
- (e) kami layak untuk memohon Lesen Aktiviti Badan Perairan di bawah Enakmen Sumber Air Kedah 2008 dan semua maklumat yang diberikan dalam permohonan ini dan dalam lampiran yang dikepilkan bersama adalah benar dan tepat.

Tarikh

Ditandatangani oleh

Untuk dan bagi pihak

*Catatan:*

*Sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi untuk menyediakan maklumat, sila kepilkan lampiran. Sebarang lampiran perlu ditandatangani ringkas oleh penandatangan permohonan ini.”.*

### **Penggantian Susunan B Jadual Kedua**

10. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Susunan B Jadual Kedua dengan susunan yang berikut:

#### “SUSUNAN B

[Subperaturan 11(1)]

(1)	(2)	(3)
Bil.	Caj	Jumlah (RM)/tahun
1.	Aktiviti rekreasi sukan air	
	(a) tidak bermotor	10.00 per unit
	(b) bermotor	50.00 per unit

(1)	(2)	(3)
Bil.	Caj	Jumlah (RM)/tahun
2.	Aktiviti vesel rekreasi	
	(a) bermotor/penumpang tidak melebihi 12 orang	100.00 per unit
	(b) bermotor/penumpang 13 orang dan ke atas	200.00 per unit
3.	Aktiviti sangkar	
	(a) binaan kurang daripada 200 meter persegi	dikecualikan
	(b) binaan melebihi 200 meter persegi	1.00 per meter persegi
4.	Aktiviti binaan	
	(a) apa-apa jenis binaan	1.00 per meter persegi bagi 200 meter persegi pertama tertakluk kepada kadar minimum 200.00
		2.00 per meter persegi bagi 201 meter persegi dan seterusnya
	(b) apa-apa jenis binaan projek berkepentingan awam	1.00 per meter persegi bagi 200 meter persegi pertama tertakluk kepada kadar minimum 200.00
		2.00 per meter persegi bagi 201 meter persegi dan seterusnya tertakluk kepada kadar maksimum 1000.00
	(c) tambatan vesel	100.00 per unit".

**Penggantian Jadual Ketiga**

11. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Ketiga dengan jadual yang berikut:

“JADUAL KETIGA

[Subperaturan 4(2)]

BORANG B

ENAKMEN SUMBER AIR KEDAH 2008

PERATURAN-PERATURAN SUMBER AIR KEDAH  
(AKTIVITI BADAN PERAIRAN) 2015

LESEN AKTIVITI BADAN PERAIRAN

ASAL

No. Siri

No. Lesen

MENURUT SUBSEKSYEN 44(1), ENAKMEN SUMBER AIR KEDAH 2008

1. Lesen diberikan kepada .....  
 Beralamat di .....  
 Untuk menjalankan aktiviti .....  
 Lokasi aktiviti yang dilesenkan .....
2. Lesen hendaklah berkuat kuasa dari ..... hingga ..... melainkan dibatalkan mengikut seksyen 52 Enakmen Sumber Air Kedah 2008, atau ditamatkan mengikut seksyen 53 Enakmen Sumber Air Kedah 2008 dan diperbaharui mengikut peraturan 5 Peraturan-Peraturan Sumber Air Kedah (Aktiviti Badan Perairan) 2015.
3. Lesen hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:  
 .....  
 Syarat-syarat standard lesen yang berikut:  
 .....  
 Syarat-syarat khas yang berikut:  
 .....

Bertarikh

Pengarah Sumber Air  
Lembaga Sumber Air Negeri Kedah.”



### Penggantian Jadual Keempat

12. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Keempat dengan jadual yang berikut:

“JADUAL KEEMPAT

[Subperaturan 14(1)]

BORANG C

ENAKMEN SUMBER AIR KEDAH 2008

PERATURAN-PERATURAN SUMBER AIR KEDAH  
(AKTIVITI BADAN PERAIRAN) 2015

AKTIVITI REKREASI SUKAN AIR

---

#### BUTIRAN AKTIVITI

---

1. Kelengkapan yang digunakan
 

(a) Ski jet	=	unit
(b) Perahu pisang	=	unit
(c) Kanu	=	unit
(d) Layar layang	=	unit
(e) Bot kayuh	=	unit
(f) Lain-lain (nyatakan)	=	unit
2. Keluasan kawasan operasi: .....
3. Lokasi operasi: .....
4. Koordinat: .....
5. Hari beroperasi: .....
6. Waktu operasi: .....
7. Catatan: .....

Tarikh

Ditandatangani oleh

Untuk dan bagi pihak

*Catatan:*

*Sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi untuk menyediakan maklumat, sila kepilkan lampiran. Sebarang lampiran perlu ditandatangani ringkas oleh penandatangani permohonan ini.”.*

---

**Penggantian Jadual Kelima**

13. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Kelima dengan jadual yang berikut:

“JADUAL KELIMA

[Subperaturan 17(1)]

BORANG D

ENAKMEN SUMBER AIR KEDAH 2008

PERATURAN-PERATURAN SUMBER AIR KEDAH  
(AKTIVITI BADAN PERAIRAN) 2015

AKTIVITI VESEL REKREASI

---

**BUTIRAN AKTIVITI**

---

1. Jenis vesel: .....
2. Nama vesel: .....
3. No. pendaftaran vesel: .....
4. Kawasan aktiviti vesel: .....
5. Koordinat kawasan operasi: .....
6. Bilangan penumpang dalam vesel: .....
7. Hari operasi: .....
8. Waktu operasi: .....
9. Catatan:.....

Tarikh

Ditandatangani oleh

Untuk dan bagi pihak

*Catatan:*

*Sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi untuk menyediakan maklumat, sila kepilkan lampiran. Sebarang lampiran perlu ditandatangani ringkas oleh penandatangani permohonan ini.”.*

**Penggantian tajuk Jadual Keenam**

14. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam tajuk Jadual Keenam dalam teks Bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “KEDAH WATER RESOURCES REGULATIONS (WATER BODY ACTIVITIES) 2015, dengan perkataan “KEDAH WATER RESOURCES (WATER BODY ACTIVITIES) REGULATIONS 2015”.

### Penggantian Jadual Ketujuh

15. Peraturan-Peraturan ini dipinda dengan menggantikan Jadual Ketujuh dengan jadual yang berikut:

“JADUAL KETUJUH

[Subperaturan 23(1)]

BORANG F

ENAKMEN SUMBER AIR KEDAH 2008

PERATURAN-PERATURAN SUMBER AIR KEDAH  
(AKTIVITI BADAN PERAIRAN) 2015

AKTIVITI SANGKAR

---

#### BUTIRAN AKTIVITI

---

1. Keluasan sangkar: .....meter persegi
2. Jenis sangkar (bahan binaan): .....
3. Akuakultur: .....
4. Kawasan aktiviti: .....
5. Koordinat: .....
6. Status pemilikan tanah: .....
7. Catatan: .....

Tarikh

Ditandatangani oleh

Untuk dan bagi pihak

*Catatan:*

*Sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi untuk menyediakan maklumat, sila keipkan lampiran. Sebarang lampiran perlu ditandatangani ringkas oleh penandatangani permohonan ini.”*

### Penggantian Jadual Kelapan

16. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Kelapan dengan jadual yang berikut:

“JADUAL KELAPAN

[Subperaturan 26(1)]

BORANG G

ENAKMEN SUMBER AIR KEDAH 2008

PERATURAN-PERATURAN SUMBER AIR KEDAH  
(AKTIVITI BADAN PERAIRAN) 2015

AKTIVITI BINAAN

---

#### BUTIRAN AKTIVITI

---

1. Bentuk binaan: \*kekal/sementara
2. Jenis binaan: .....
3. Jenis bahan binaan: .....
4. Keluasan binaan: .....meter persegi
5. Kawasan binaan: .....
6. Koordinat: .....
7. Status pemilikan tanah: .....
8. Jenis kumbahan (jika ada): .....
9. Cara pelupusan: .....
10. Tahun dibina (jika binaan sudah siap): .....
11. Tarikh jangkaan siap: .....  
(jika kerja-kerja binaan sedang dijalankan)
12. Catatan: .....

Tarikh

Ditandatangani oleh

Untuk dan bagi pihak

*\*Potong yang mana tidak berkenaan*

*Catatan:*

*Sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi untuk menyediakan maklumat, sila kepilkan lampiran. Sebarang lampiran perlu ditandatangani ringkas oleh penandatangan permohonan ini.”.*

Dibuat 8 Januari 2025

[LSANK600-1/2/5(01) JLD 6; PUN(KD) 600-1/4/14]

Y.A.B. DATO’ SERI HAJI MUHAMMAD SANUSI BIN MD NOR

*Pengerusi*

*Lembaga Sumber Air*

*Kedah*

## KEDAH WATER RESOURCES ENACTMENT 2008

### KEDAH WATER RESOURCES (WATER BODY ACTIVITIES) (AMENDMENT) REGULATIONS 2025

In exercise of the powers conferred by paragraphs 93(a), (i) and (j) Kedah Water Resources Enactment 2008 [*Enactment 7*], the Board, with the approval of the State Authority, makes the following regulations:

#### **Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as **Kedah Water Resources (Water Body Activities) (Amendment) Regulations 2025**.

(2) These Regulations shall come into operation on a date of its notification in the *Gazette*.

#### **Substitution of title**

2. The Kedah Water Resources (Water Body Activities) Regulations 2015 [*K.P.U 29/2015*], which are referred to as “the principal Regulations” in these Regulations, is amended in the title in the English text, by substituting for the words “KEDAH WATER RESOURCES (WATER BODY ACTIVITIES) 2015”, the words “KEDAH WATER RESOURCES (WATER BODY ACTIVITIES) REGULATIONS 2015”.

#### **Substitution of regulation 1**

3. The principal Regulations is amended by substituting for regulation 1 the following regulation:

“1. (1) These regulations may be cited as **Kedah Water Resources (Water Body Activities) Regulations 2015**.

(2) These regulations for Chapter 4 and 5 of Part IV Kedah Water Resources (Water Body Activities) Regulations 2015 come into force on 15 November 2015 except for Chapter 1 and 2 of Part IV of Kedah Water Resources (Water Body Activities) Regulations 2015 come into force on 1 June 2016.”.

#### **Amendment of regulation 2**

4. Regulation 2 of the principal Regulations is amended—

- (a) in the definition of “water body activities”, by deleting the words “, construction vessel activities”;
- (b) in the definition of “recreational water sport activities”, by deleting the words “, snorkeling, scuba diving”;
- (c) by substituting for the definition of “cage activities” the following definition:
  - ‘ “cage activities” means any activities related to the construction of any cage farming includes but not limited to aquaculture and any other cage farming;’;
- (d) by inserting after the definition of “equipment” the following definition:
  - ‘ “public essential project contractor” means any person who is appointed by the Federal Government or the State Government to operate public essential project;’;
- (e) by inserting after the definition of “passenger” the following definition:
  - ‘ “public essential project” means any projects owned by the Federal Government or State Government verified by the Board for purpose of public essential and has no commercial value includes but not limited to bridge construction, beach restoration, flood barrier and any other public essential project’; and
- (f) by deleting the definition of “equipment”.

#### **Amendment of regulation 11**

5. Regulation 11 of the principal Regulations is amended by deleting subregulation (3).

#### **Substitution of regulation 19**

6. The principal Regulations is amended by substituting for regulation 19 the following regulation:

##### **“Safety of recreational vessel activities**

19. (1) A licensee shall ensure the recreational vessel activities in safe condition at all times and practical for activities to be carried out without any disturbance.

(2) A licensee shall ensure the recreational vessel activities are prohibited from the traffic area of the vessel from any river or creek at any time under any circumstances which may cause obstruction to traffic plying upstream or downstream.

(3) Any person who contravenes subregulation (1) or (2) commits an offence.”.

#### **Substitution of regulation 25**

7. The principal Regulations is amended by substituting for regulation 25 the following regulations:

##### **“Safety of cage activities**

25. (1) A licensee shall ensure the cage activities in safe condition at all times and practical for activities to be carried out without any disturbance.

(2) A licensee shall ensure the cage activities are prohibited from the traffic area of the vessel from any river or creek at any time under any circumstances which may cause obstruction to traffic plying upstream or downstream.

(3) Any person who contravenes subregulation (1) or (2) commits an offence.”.

#### **Amendment of regulation 41**

8. Regulation 41 of the principal Regulations is amended—

(a) in subregulation (1), in the national language text, by substituting for the word “itu” the word “ini”;

(b) by substituting for subregulations (2) and (3) the following subregulations:

“(2) The Federal Government, State Government, any local authority, any federal or state statutory body, are exempted from holding a licence under the Enactment.

(3) Notwithstanding the exemption granted under subregulation (2), the Federal Government, State Government, any local authority, any federal or state statutory body, shall be required to comply with the duties and obligations under the Enactment as if it were a licensee.”.

#### **Substitution of First Schedule**

9. The principal Regulations is amended by substituting for the First Schedule the following schedule:

“FIRST SCHEDULE

[Subregulation 3(1)]

FORM A

KEDAH WATER RESOURCES ENACTMENT 2008

KEDAH WATER RESOURCES (WATER BODY ACTIVITIES)  
REGULATIONS 2015

APPLICATION/RENEWAL OF WATER BODY ACTIVITIES LICENCE

1. Type of application

(a) New application\*

(b) Renewal\*

(c) One-off activity\*

*\*Note: an application for two or more licence shall be made in separate application forms, each one is supported by the relevant information.*

A. PARTICULAR OF APPLICANT

1. Name of applicant and Company No.: .....

2. Registered address: .....

Telephone no.: .....

Fax no.: .....

E-mail address: .....

3. Principal place of business: .....

Telephone no.: .....

Fax no.: .....

E-mail address: .....

4. Description of the facilities or services to be operated or provided and location of the facilities.....

.....

5. Proposed area for the activity to be carried out: .....



---

**B. INFORMATION**


---

1. Particular of two persons namely two directors or a director and the company secretary for the applicant who may be contacted for further information

Name	Position	Telephone no.	Address

2. All other information required under section 44 of Kedah Water Resources Enactment 2008 and regulation 8 of Kedah Water Resources (Water Body Activities) Regulations 2015 are enclosed as appendixes to this application.
3. Any additional information considered relevant for this application.

We, ....., (the applicant) declare and confirm in accordance with the provisions of the Statutory Declaration Act 1960 [*Act 60*] of the following:

- (a) we have complied with section 44 of Kedah Water Resources Enactment 2008;
- (b) to the best of our knowledge, no receivership or manager has been appointed in respect of our business, assets or undertaking;
- (c) we have not entered into a compromise or arrangement with creditors and not intending, at the time of this application, to enter into a compromise or arrangement with creditor;
- (d) to the best of our knowledge, there is no winding up petition presented in court and no winding up petition is to be presented in court; and
- (e) we are eligible to apply for Water Body Activities Licence under the Kedah Water Resources Enactment 2008 and all information given in this application and in the attached appendixes are true and accurate.

Date

Signed by

For and on behalf of

*Note:*

*If the space provided is insufficient to provide the particulars, please attach appendixes. Any appendix should be initialed by the signatory to this application."*

---

**Substitution of Table B of Second Schedule**

10. The principal Regulations is amended by substituting for Table B of the Second Schedule the following table:

“TABLE B

[Subregulation 11(1)]

(1)	(2)	(3)
No.	Charge	Total (RM)/year
1.	Recreational water sport activities	
	(a) non-motorised	10.00 per unit
	(b) motorised	50.00 per unit
2.	Recreational vessel activities	
	(a) motorised/passenger not exceeding 12 persons	100.00 per unit
	(b) non- motorized/passenger not exceeding 13 persons and above	200.00 per unit
3.	Cage activities	
	(a) construction less than 200 square metres	exempt
	(b) construction exceed 200 square metres	1.00 per square metre
4.	Construction activities	
	(a) any type of construction	1.00 per square metre for the first 200 square metres subject to a minimum rate of 200.00
		2.00 per square metre for 201 square metres onwards

(1) No.	(2) Charge	(3) Total (RM)/year
	(b) any type of constructions on public essential project	1.00 per square metre for the first 200 square metres subject to a minimum rate of 200.00  2.00 per square metre for 201 metre square onwards subject to a maximum rate of 1000.00
	(c) vessel mooring	100.00 per unit".

### Substitution of Third Schedule

11. The principal Regulations is amended by substituting for the Third Schedule the following schedule:

“THIRD SCHEDULE

[Subregulation 4(2)]

FORM B

KEDAH WATER RESOURCES ENACTMENT 2008

KEDAH WATER RESOURCES (WATER BODY ACTIVITIES)  
REGULATIONS 2015

WATER BODY ACTIVITIES LICENCE

*ORIGINAL*

Serial no.

Licence no.

PURSUANT TO SUBSECTION 44(1) OF KEDAH WATER RESOURCES  
ENACTMENT 2008

1. A licence is granted to .....
- Addressed .....
- To carry out activity of .....
- The location of licenced activities.....

2. The licence shall be effective from ..... until ..... unless revoked in accordance with section 52 of the Kedah Water Resources Enactment 2008 or terminated in accordance with section 53 of the Kedah Water Resources Enactment 2008, and renewed in accordance with regulation 5 of the Kedah Water Resources (Water Body Activities) Regulations 2015.

3. The licence shall be the subject to the following conditions:  
 .....

The following standard licence conditions:  
 .....

The following special conditions:  
 .....

Dated

Water Resources Director  
 Kedah Water Resources Board.”

**Substitution of Fourth Schedule**

12. The principal Regulations is amended by substituting for the Fourth Schedule the following schedule:

“FOURTH SCHEDULE

[Subregulation 14(1)]

FORM C

KEDAH WATER RESOURCES ENACTMENT 2008

KEDAH WATER RESOURCES (WATER BODY ACTIVITIES)  
 REGULATIONS 2015

RECREATIONAL WATER SPORTS ACTIVITIES

**PARTICULARS OF ACTIVITY**

- |                      |   |      |
|----------------------|---|------|
| 1. Equipment used    |   |      |
| (a) Jet ski          | = | unit |
| (b) Banana boat      | = | unit |
| (c) Canoe            | = | unit |
| (d) Parasailing      | = | unit |
| (e) Paddle boat      | = | unit |
| (f) Others (specify) | = | unit |

- 
2. Area of operation: .....
  3. Location of operation: .....
  4. Coordinates :.....
  5. Operational days :.....
  6. Operational time: .....
  7. Note: .....

Date

Signed by

For and on behalf of

*Note:*

*If the space provided is insufficient to provide the particulars, please attach appendixes. Any appendix should be initialed by the signatory to this application.”.*

### **Substitution of Fifth Schedule**

13. The principal Regulations is amended by substituting for the Fifth Schedule the following schedule:

“FIFTH SCHEDULE

[Subregulation 17(1)]

FORM D

KEDAH WATER RESOURCES ENACTMENT 2008

KEDAH WATER RESOURCES (WATER BODY ACTIVITIES)  
REGULATIONS 2015

RECREATIONAL VESSEL ACTIVITIES

---

PARTICULARS OF ACTIVITY

---

1. Type of vessel: .....
2. Vessel name:.....
3. Vessel registration no.: .....

- 4. Vessel activity area:.....
- 5. Coordinates operational area: .....
- 6. No. of passengers in the vessel: .....
- 7. Operational days: .....
- 8. Operational time: .....
- 9. Note: .....

Date

Signed by

For and on behalf of

*Note:*

*If the space provided is insufficient to provide the particulars, please attach appendixes. Any appendix should be initialed by the signatory to this application.”.*

**Substitution of title of Sixth Schedule**

14. The principal Regulations is amended in the title of the Sixth Schedule in the English text, by substituting for the words “KEDAH WATER RESOURCES REGULATIONS (WATER BODY ACTIVITIES) 2015”, the words “KEDAH WATER RESOURCES (WATER BODY ACTIVITIES) REGULATIONS 2015”.

**Substitution of Seventh Schedule**

15. The principal Regulations is amended by substituting for the Seventh Schedule the following schedule:

“SEVENTH SCHEDULE

[Subregulation 23(1)]

FORM F

KEDAH WATER RESOURCES ENACTMENT 2008

KEDAH WATER RESOURCES (WATER BODY ACTIVITIES)  
REGULATIONS 2015

CAGE ACTIVITIES

PARTICULARS OF ACTIVITY

- 1. Cage area :..... square meter
- 2. Type of cage (materials): .....

- 
3. Aquaculture: .....
  4. Activity area: .....
  5. Coordinates: .....
  6. Land ownership status: .....
  7. Note: .....

Date

Signed by

For and on behalf of

*Note:*

*If the space provided is insufficient to provide the particulars, please attach appendixes. Any appendix should be initialed by the signatory to this application.”.*

### **Substitution of Eighth Schedule**

16. The principal Regulations is amended by substituting for the Eighth Schedule the following schedule:

“EIGHTH SCHEDULE

[Subregulation 26(1)]

FORM G

KEDAH WATER RESOURCES ENACTMENT 2008

KEDAH WATER RESOURCES (WATER BODY ACTIVITIES)  
REGULATIONS 2015

CONSTRUCTION ACTIVITIES

---

#### PARTICULARS OF ACTIVITY

---

1. Form of building                      \*permanent/temporary
2. Type of construction: .....
3. Type of building materials: .....
4. Build up area: ..... meter square
5. Built-up location: .....
6. Coordinates: .....

- 7. Land ownership status: .....
- 8. Sewage type (if any): .....
- 9. Method of disposal: .....
- 10. Year built (if the building is ready): .....
- 11. Expected date of completion: .....  
(if the construction works being carried out)
- 12. Note: .....

Date

Signed by

For and on behalf of

*\*Delete whichever is not applicable*

*Note:*

*If the space provided is insufficient to provide the particulars, please attach appendixes. Any appendix should be initialed by the signatory to this application."*

Made 8 January 2025

[LSANK600-1/2/5(01) JLD 6; PUN(KD) 600-1/4/14]

Y.A.B. DATO' SERI HAJI MUHAMMAD SANUSI BIN MD NOR  
*Chairman*  
*Water Resources Board*  
*Kedah*

Hakcipta Pencetak (H)

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR SETAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA